



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

KOD ETIKA WARTAWAN MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya

Memelihara satu cara hidup demokratik

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan izin bertulis daripada Jabatan Penerangan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel: 603-8911 3440

Faks: 603-891 17599

Laman sesawang: www.penerangan.gov.my

E-mel: webmaster@inform.gov.my

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YB Fahmi Fadzil
Menteri Komunikasi

PENASIHAT

YBhg. Datuk Mohamad Fauzi Md Isa
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi

YBhg. Dato' Mohd Sukari Ab Hamid
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

SIDANG PENGARANG

KETUA EDITOR

YBhg. Dato' Sivabalan Ethirmanasingham

EDITOR DAN PENYELARAS

Shahniza Azren Mohamed Shah
Amirah Ahmad Salim

PEREKA KULIT DAN REKA LETAK

Nuraqilah Kamarulzaman

PENCETAK

Idaman Print Sdn Bhd
No. 11, Jalan E1
Taman Melawati
53100 Kuala Lumpur

PRAKATA



Kod Etika Wartawan Malaysia adalah satu kod etika wartawan baharu yang diwujudkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) selaras dengan peranan JaPen sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menerajui pengurusan media di Malaysia. JaPen juga telah memperkenalkan Kad Perakuan Media (KPM) sebagai dokumen pengenalan diri pengamal media dari agensi media yang berdaftar dengan kerajaan.

JaPen telah menggunakan Etika Kewartawanan Malaysia 1989 yang diterbitkan oleh Malaysian Press Institute (MPI) sebagai punca kuasa pengeluaran serta pembatalan KPM.

Sebagai langkah penambahbaikan dan selaras dengan situasi semasa, satu dokumen etika wartawan yang baharu perlu diwujudkan. Sehubungan itu, JaPen dengan kerjasama beberapa pihak berkaitan telah meneliti dan memperhalusi kod etika wartawan yang baharu agar ianya lebih seimbang dan relevan untuk diguna pakai oleh pengamal media pada masa kini. Kod etika wartawan ini juga akan digunakan sebagai dokumen rasmi bagi urusan permohonan KPM yang dikeluarkan oleh JaPen.

Pasukan Petugas Penggubalan Draf Kod Etika Wartawan Malaysia telah diperkenalkan dan beberapa siri Sesi Libat Urus Penggubalan Kod Etika Wartawan Malaysia telah diadakan untuk menghasilkan satu kod etika yang komprehensif. Kod Etika Wartawan Malaysia juga perlu dijadikan sebagai garis panduan yang berguna untuk pengamal media dalam menuntut mereka melaksanakan tugas secara profesional dan beretika. Maklumat yang disampaikan oleh wartawan perlulah dari sumber yang sahih walaupun teknologi penyampaian maklumat telah mengalami perubahan pesat.

Syabas dan tahniah kepada JaPen atas usaha menerbitkan dokumen Kod Etika Wartawan Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan kepada jabatan/agensi yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam menerbitkan Kod Etika Wartawan Malaysia

- Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)
- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Malaysian Press Institute (MPI)
- National Union of Journalists Malaysia (NUJM)
- Majlis Media Malaysia (MMM)
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Semoga kod etika wartawan ini dapat dijadikan rujukan oleh pengamal media dalam memastikan pemberitaan dan penyampaian maklumat yang beretika dan berintegriti.

FAHMI FADZIL
MENTERI KOMUNIKASI



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

KOD ETIKA WARTAWAN MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

PRINSIP UTAMA

Bahawasanya wartawan Malaysia mendukung Perlembagaan, prinsip-prinsip Rukun Negara dan cita-cita nasional yang terkandung di dalamnya;

Menyedari peranannya untuk memberi sumbangan kepada proses membina negara;

Menyedari kewajipannya untuk memberi sepenuh sumbangan dalam memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan nasional;

Menyedari pentingnya masyarakat liberal, toleran, demokratis dan peranan tradisi kewartawanan bebas dan tanggungjawab yang berkhidmat untuk rakyat dan melaporkan fakta-fakta yang benar secara objektif;

Menyedari bahawa kewartawanan yang amanah adalah suatu aset kepada negara;

Menyedari bahawa tiada sebarang sekatan boleh diadakan bagi penyertaan seseorang dalam profesion kewartawanan;

Menyedari kewajipan komuniti wartawan untuk memberi sumbangan kepada penggubalan sesuatu dasar negara;

Maka dengan ini, wartawan mempunyai tanggungjawab seperti yang berikut:

1. Wartawan bertanggungjawab menjadi suara masyarakat majmuk serta ejen pemudah cara dialog.
2. Wartawan hendaklah telus dan berintegriti ketika menjalankan tugas.
3. Wartawan digalakkan berusaha secara konsisten untuk berlaku adil dalam menyampaikan informasi.
4. Pemberitaan tidak boleh dipengaruhi kepentingan peribadi.
5. Kesahihan dan ketepatan maklumat perlu disemak.
6. Wartawan perlu menghormati privasi dan kerahsiaan sumber.
7. Wartawan perlu memahami undang-undang, akta dan polisi yang berkaitan dengan ruang lingkup tugas mereka.
8. Wartawan perlu memberikan keutamaan untuk meningkatkan kemahiran kewartawanan secara berterusan.

LATAR BELAKANG

Wartawan mempunyai tanggungjawab sosial yang besar dalam memberikan informasi yang tepat, bermanfaat dan sesuai untuk pembangunan masyarakat yang mapan dan sejahtera. Mereka dituntut untuk menjalankan tugas dan membuat setiap keputusan dalam kerjaya di bawah kawalan, pemilikan dan pengaruh daripada pelbagai pemegang taruh. Hakikatnya, landskap media di Malaysia yang unik memberikan cabaran besar kepada wartawan untuk kekal bebas serta profesional dalam membuat laporan.

Kod Etika Wartawan Malaysia merupakan kali pertama dikemas kini semenjak diperkenalkan pada tahun 1989. Kod Etika Wartawan Malaysia ini berperanan penting dalam memerihalkan tanggungjawab wartawan sebagai suara rakyat. Sesuai dengan perkembangan teknologi terkini, Kod Etika Wartawan Malaysia turut dilihat sebagai satu panduan kepada wartawan untuk mendepani cabaran teknologi dalam kerjaya mereka.

Secara keseluruhannya, etika wartawan berlandaskan tanggungjawab wartawan dalam pemberitaan dan pelaporan. Antara tanggungjawab yang diutamakan oleh para wartawan ialah laporan berita secara seimbang, adil, berkredibiliti, jujur serta menghormati kerahsiaan sumber.

Berikut merupakan lapan(8)etika kewartawanan yang digariskan selepas meneliti Kod Etika Kewartawan Malaysia oleh MPI, Elements of Journalism daripada Nieman Reports (2001) dan kajian perbandingan etika kewartawanan yang digunakan di beberapa buah negara Asia yang lain seperti India, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam, Korea Selatan dan Jepun.

1. Wartawan bertanggungjawab menjadi suara masyarakat majmuk serta ejen pemudah cara dialog

Media berperanan memberikan sumbangan positif dan menyiarkan informasi daripada pelbagai sudut pandang yang dapat membantu membina pemikiran masyarakat serta mendorong perbincangan yang sihat, bersandarkan kepercayaan tentang kesedaran umum dan toleransi sivik.

2. Wartawan hendaklah telus dan berintegriti ketika menjalankan tugas

Media bertanggungjawab untuk membuat laporan dengan tepat dan menghormati hak orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang adil, tepat dan benar. Proses pengumpulan maklumat perlu telus, kecuali jika terdapat alasan yang kukuh atau untuk kepentingan awam. Jika terdapat kesalahan dalam pelaporan, permohonan maaf dan pembetulan perlu dilakukan secepat mungkin bagi mengelakkan sebaran informasi yang tidak benar. Selain itu, kredit harus diberikan kepada sumber asal salinan atau petikan daripada bahan yang telah diterbitkan sebelum ini, gambar atau rakaman video yang diterima daripada pihak lain, serta segala bentuk terjemahan yang digunakan oleh wartawan dalam penghasilan laporan.

3. Wartawan digalakkan berusaha secara konsisten untuk adil dalam menyampaikan informasi

Menghormati kepelbagaian pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat, budaya, kaum, etnik dan agama dan tidak bersifat prasangka, stereotaip atau prejudis semasa mendapatkan maklumat dan menyediakan laporan yang adil merupakan sifat yang perlu ada dalam diri setiap wartawan. Semasa menyediakan laporan, wartawan perlu memberikan peluang kepada semua pihak untuk memberikan pengesahan, penafian atau penjelasan terhadap maklumat berkaitan diri atau organisasi yang bakal diterbitkan.

4. Pemberitaan tidak boleh dipengaruhi oleh kepentingan peribadi

Hubungan baik antara wartawan dengan syarikat atau pemegang taruh berkepentingan perlu mempunyai batas. Wartawan tidak boleh menerima rasuah, hadiah atau faedah yang boleh mempengaruhi laporan berita secara langsung atau tidak langsung. Mereka perlu menghindari konflik berkepentingan dan situasi yang membolehkan hubungan peribadi mempengaruhi pelaporan.

5. Kesahihan dan ketepatan maklumat perlu disemak

Media hendaklah terhindar daripada menerbitkan atau menyiarkan bahan yang tidak tepat, tidak berasas, bertujuan memperdaya atau memutarbelitkan fakta. Dalam hal ini, wartawan, editor dan pengamal media perlu memastikan semua informasi disemak dengan teliti untuk memastikan ketepatannya.

6. Wartawan perlu menghormati privasi dan kerahsiaan sumber

Wartawan perlu cakna terhadap prinsip privasi dan kerahsiaan sumber kerana boleh menyebabkan keselamatan sumber terancam sekiranya hak ini tidak dihormati. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebab yang kukuh atau demi kepentingan awam, media hendaklah membuat pertimbangan berdasarkan keperluan masyarakat untuk mendapatkan maklumat berbanding kemungkinan berlakunya kemudaratan terhadap sumber tersebut.

7. Wartawan perlu memahami undang-undang, akta dan polisi yang berkaitan dengan ruang lingkup tugas mereka

Wartawan perlu membuat kawalan sendiri dengan sukarela dan bebas semasa membuat liputan. Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap undang-undang, akta di Malaysia serta Kod Tatakelakuan Media Malaysia perlu dijadikan panduan untuk memastikan kebebasan tersebut tidak disalah erti.

8. Wartawan perlu memberikan keutamaan untuk meningkatkan kemahiran kewartawanan secara berterusan

Perkembangan teknologi dan evolusi landskap media memerlukan wartawan untuk berusaha meningkatkan kemahiran secara berterusan agar profesionalisme dalam bidang ini dapat dikekalkan, termasuk meningkatkan pemahaman tentang undang-undang Malaysia yang boleh dijadikan panduan kepada wartawan untuk menjalankan tugas dengan penuh integriti.

KESIMPULAN

Prinsip yang telah disebutkan merangkumi nilai etika dan tanggungjawab yang perlu dipegang oleh wartawan dalam melaksanakan tugas mereka demi mendukung pembentukan masyarakat yang makmur dan berinformasi. Semua pengamal media yang memiliki Kad Perakuan Media yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) perlu melaksanakan prinsip dalam Kod Etika Wartawan Malaysia ketika menjalankan tanggungjawab mereka.



MINISTRY OF COMMUNICATIONS

MALAYSIAN CODE OF ETHICS FOR JOURNALISTS

DEPARTMENT OF INFORMATION MALAYSIA

MAIN PRINCIPLES

That Malaysian journalists support the Federal Constitution of Malaysia, Rukun Negara principles, and the national ideals contained therein;

Realize the role to contribute to nation-building;

Acknowledge the obligation to give a full contribution to fostering harmony between races and national unity;

Recognize the importance of a free, tolerant, and democratic society and the traditional role of independent journalism is maintained, alongside the responsibility to serve the people in reporting true facts objectively;

Acknowledge that trustworthy journalism is an asset to the country;

Recognize that no restrictions can be imposed on a person's participation in the journalism profession;

Acknowledge the responsibility of the journalist community to contribute to the formulation of national policies.

So with this, journalists have the following responsibilities:

1. Journalists are responsible for being the voice of a pluralistic society as well as agents facilitating dialogue.
2. Journalists must be transparent and have integrity when carrying out their duties.
3. Journalists are encouraged to consistently strive to be fair in delivering information.
4. News should not be influenced by personal interests.
5. Validity and accuracy of information should be checked.
6. Journalists need to respect the privacy and confidentiality of sources.
7. Journalists need to understand the laws, acts, and policies related to the scope of their duties.
8. Journalists need to prioritize improving their journalistic skills continuously.

BACKGROUND

Journalists have a significant social responsibility to provide accurate, beneficial, and relevant information for the development of a sustainable and prosperous society. They are called to carry out their duties and make every career decision under control, take ownership, and influence various stakeholders. In truth, the unique media landscape in Malaysia poses significant challenges for journalists to remain independent and professional in their reporting.

Malaysian Code of Ethics for Journalists has been updated for the first time since its introduction in 1989. The Malaysian Code of Ethics for Journalists plays a crucial role in delineating the responsibilities of journalists as the voice of the people. In line with the latest technological developments, the Malaysian Code of Ethics for Journalists is also seen as a guide for journalists to confront technological challenges in their careers.

In sum, journalistic ethics are based on the responsibility of journalists in reporting and storytelling. Among the priorities emphasized by journalists are balanced, fair, credible, honest reporting, and respecting the confidentiality of sources.

The following are eight (8) journalistic ethics outlined after examining the Malaysian Code of Ethics for Journalists by Malaysian Press Institute, Elements of Journalism from Nieman Reports (2001), and findings from a comparative study of journalistic ethics used in several other Asian countries such as India, Singapore, Indonesia, the Philippines, Thailand, Vietnam, South Korea, and Japan.

1. Journalists are responsible for being the voice of a diverse society and serving as agents of facilitating dialogue

The media plays a significant role in providing positive contributions and disseminating information from various perspectives that can help shape public thinking and promote healthy discussions, based on trust in public awareness and civic tolerance.

2. Journalists should be transparent and have integrity while carrying out their duties

The media holds the responsibility of delivering precise information while honoring the public's entitlement to receive impartial, accurate, and truthful details. The process of gathering information ought to be transparent unless there are compelling reasons or considerations for the public good. In instances of reporting errors, swift apologies and corrections should be issued to prevent the dissemination of misinformation. Furthermore, due credit should be attributed to the primary sources of duplicated or excerpted content from previously published materials, as well as to images, and video recordings acquired from external parties, and any translations employed by journalists in their reportage.

3. Journalists are encouraged to consistently strive for fairness in delivering information

Acknowledging the variety of viewpoints across different segments of society, including cultures, races, ethnicities, and religions, and steering clear of bias, stereotypes, or prejudices during information gathering and the presentation of impartial reports are essential qualities for every journalist. When crafting reports, journalists should afford all involved parties the chance to affirm, refute, or clarify information pertaining to themselves or their organizations slated for publication.

4. Reporting should not be influenced by any personal interests

Establishing relationships, including close connections between journalists and companies or stakeholders with interests, should be subject to clear boundaries. Journalists should refrain from accepting bribes, gifts, or benefits that could exert direct or indirect influence on news reporting. It is crucial to steer clear of conflicts of interest and situations where personal relationships might compromise the integrity of their reporting.

5. Authenticity and accuracy of information need to be verified

The media ought to avoid disseminating content that is inaccurate, baseless, intended to deceive, or distort facts. In this context, journalists, editors, and media professionals must guarantee that all information undergoes thorough analysis, review, and verification to ascertain its accuracy.

6. Journalists need to respect the privacy and confidentiality of sources

Journalists should be mindful of the principles of privacy and source confidentiality, as neglecting these rights could endanger the safety of sources. Nevertheless, if there are compelling reasons or considerations for public interest, the media must weigh the public's need for information against the potential harm to the source when making decisions.

7. Journalists need to understand the laws, acts, and policies related to the scope of their duties.

Journalists ought to exercise self-discipline willingly and autonomously during their coverage. However, a comprehension of the laws and acts in Malaysia, along with adherence to the Malaysian Media Code of Conduct, should act as a guide to prevent any misconceptions about this freedom.

8. Journalists need to prioritize continuous improvement of journalistic skills

The continuous progress of technology and the transformation of the media environment necessitate journalists to persistently strive to uphold professionalism in their field. This includes improving their comprehension of Malaysian laws, which can serve as a guide for journalists to carry out their duties with utmost integrity.

CONCLUSION

The principles articulated embody ethical values and responsibilities that journalists are expected to maintain while executing their duties to contribute to the establishment of a prosperous and well-informed society. All media professionals possessing a media accreditation card issued by the Department of Information Malaysia (JaPen) should adhere to the principles outlined in the Malaysian Code of Ethics for Journalist when fulfilling their responsibilities.

RUJUKAN

Code of Ethics for members of the Press Council of Thailand, adopted in 1997, (<https://accountablejournalism.org/ethics-codes/thailand-press-council-code-of-ethics>).

Etika Kewartawanan Malaysia (Mpi.My). Etika Kewartawanan Malaysia Mpi.My)

Essays About 'The Elements Of Journalism,' Nieman Reports Summer 2001(Harvard.Edu)

Japan Newspaper Publishers and Editors Association Canon of Journalism, (<https://accountablejournalism.org/ethics-codes/Japan-Canon>).

Ibrahim, F. (2003). Falsafah Dan Etika Kewartawanan Di Malaysia: Antara Tuntutan Profesionalisme Dan Kepentingan Industri. Jurnal Komunikasi, 19(1), 59-78.

Indonesian Journalist Code of Ethics, (<https://accountablejournalism.org/ethics-codes/indonesia-code-of-ethics-of-the-indonesian-journalist>).

Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia, Edisi Kedua. Content Code 2022 – Content Forum.

Korean Newspapers Association Korean Newspaper and Broadcasting Editors Association Journalists Association of Korea, (<https://accountablejournalism.org/ethics-codes/South-Korea-Press>).

Phillips, A. (2013). Transparency And The New Ethics Of Journalism. In The Future Of Journalism (Pp. 307-316). Routledge.

Philippine Press Institute - Journalist's Code of Ethics, (<https://philpressinstitute.net/journalist-code-of-ethics/>).

Press Council of India, Norms Of Journalistic Conduct, (<https://www.presscouncil.nic.in/ViewPdfContent.aspx?Page=DocumentsOfPCI&Title=Norms%20of%20Journalists%20Conduct,%202022>).

Rights and responsibilities of journalists of the Vietnamese Journalists Association, (<https://accountablejournalism.org/ethics-codes/vietnam-vietnamese-journalists-association>).

Sarmiti, N. Z., & Adnan, H. M. (2021). Kod Etika Kewartawanan Malaysia Dan Kepentingannya Kepada Profesionalisme Wartawan Akhbar Berbahasa Melayu Di Malaysia:. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 23(2), 53-71.

Siha Hamid, Malaysian Press Institute Code of Ethics under Proposed Malaysia Media Council (Revised version by Inisiatif Wartawan), https://Www.Academia.Edu/27518374/Malaysian_Press.

Singapore Journalists' Code of Professional Conduct, (<https://accountablejournalism.org/ethics-codes/Singapore-Journalists>).

PENGHARGAAN

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
Universiti Sains Malaysia (USM)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Malaysian Press Institute (MPI)
National Union of Journalists Malaysia (NUJM)
Majlis Media Malaysia (MMM)
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

NOTA / CATATAN

NOTA / CATATAN

NOTA / CATATAN

Diterbitkan oleh:

Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi

Laman Sesawang: www.penerangan.gov.my
E-mel: webmaster@inform.gov.my
Portal: dbook.penerangan.gov.my



 [Jabatan Penerangan Malaysia](#)  [@JPenerangan](#)

 [Jabatan Penerangan Malaysia](#)  [japenmalaysia](#)

 t.me/jabatanpeneranganmalaysia